



PERUTUSAN
YBHG. DATO' Ir. Ts. HAJI MASRI BIN BAHARUDDIN
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.8/2025
PADA 27 OGOS 2025 (RABU) JAM 9.30 PAGI

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum. Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera. Salam Malaysia Madani.

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha, barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pegawai - pegawai, rakan media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.
2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB:
 - I. YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban;
 - II. YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah;
 - III. YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan, ADUN Nilai;
 - IV. YB Puan Nicole Tan Lee Koon, ADUN Bukit Kepayang;
 - V. YB Hajah Tengku Zamrah Tengku Sulaiman, ADUN Ampangan;
 - VI. YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin, ADUN Lenggeng;
 - VII. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya;
 - VIII. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau;
 - IX. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang;
 - X. YB Tuan Siau Meow Kong, ADUN Rahang
 - XI. YB Tuan Chew Seh Yong, ADUN Lobak

3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Illahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.

RANCANGAN MALAYSIA KE-13

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Sebagai pihak berkuasa tempatan yang menjadi tunjang kepada pembangunan bandar Seremban, kita tidak boleh berada di luar landasan pembangunan nasional. Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13), dengan tema "**Melakar Semula Pembangunan**", membawa aspirasi negara ke arah sebuah Malaysia yang inklusif, berdaya saing dan mampan. Oleh itu, tiga dasar utama RMK-13 perlu menjadi panduan dalam setiap tindakan dan perancangan di Majlis Bandaraya Seremban.

4 TONGGAK

5. RMK13 yang dilancarkan oleh Kerajaan Persekutuan telah menggariskan empat tonggak utama yang menjadi asas hala tuju pembangunan negara untuk tempoh lima tahun akan datang. Keempat-empat tonggak ini bukan sekadar dasar peringkat nasional, tetapi memberi implikasi secara langsung kepada peranan dan tanggungjawab kita di peringkat tempatan.

6. Pertama, **Meningkatkan Kerencaman Ekonomi**. Sebagai sebuah bandaraya yang berkembang pesat, Seremban berpotensi besar menjadi hab pelaburan, pelancongan, serta aktiviti ekonomi tempatan. MBS komited untuk menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif dengan mempercepat urusan kelulusan, mempermudah proses pelesenan dan menyediakan infrastruktur yang menyokong pertumbuhan ekonomi pelbagai sektor.
7. Kedua, **Meningkatkan Mobiliti Sosial**. Tonggak ini menekankan keadilan sosial dan peluang yang saksama kepada semua rakyat. Di peringkat MBS, kita akan memastikan pembangunan yang inklusif – termasuk kemudahan awam mesra OKU, program pemberdayaan belia dan wanita, serta inisiatif untuk meningkatkan taraf hidup komuniti B40 dalam kawasan pentadbiran kita.
8. Ketiga, **Mempercepat Pelaksanaan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam**. Dalam konteks ini, MBS sedang giat melaksanakan pendigitalan perkhidmatan, penggunaan sistem dalam talian, serta peningkatan kecekapan penyampaian aduan dan maklum balas. Kami percaya bahawa sistem penyampaian yang responsif, telus dan mesra rakyat adalah asas kepada kepercayaan masyarakat terhadap kerajaan tempatan.
9. Keempat, **Mempertingkatkan Kesejahteraan Rakyat dan Kelestarian Alam Sekitar**. Seremban tidak hanya membangun dari segi fizikal, tetapi juga menekankan aspek kesejahteraan komuniti dan

kelestarian alam sekitar. Projek-projek perumahan rakyat, pemuliharaan taman awam, sistem pengurusan sisa yang cekap, dan pelaksanaan agenda Bandar Rendah Karbon adalah antara usaha kita untuk memastikan bandaraya ini kekal selesa dan sihat untuk generasi akan datang.

10. Keempat-empat tonggak ini saling berkait dan menuntut kerjasama semua pihak – kerajaan, swasta, masyarakat dan PBT – untuk menjadikan aspirasi nasional suatu realiti di peringkat tempatan. Di Majlis Bandaraya Seremban, saya berharap kita tidak akan berdiam diri, sebaliknya akan terus menjadi pemangkin utama kepada kemajuan dan kesejahteraan bandaraya ini

PEMBANGUNAN BERKONSEP: MEMBINA RUMAH BERSAMA KEHIDUPAN

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

11. Baru-baru ini, di **Majlis Pecah Tanah Pembangunan Unit Rumah Residensi Wilayah**, YAB Perdana Menteri telah menegaskan bahawa setiap projek pembangunan, khususnya perumahan berskala besar, perlu mengambil kira kemudahan asas seperti sekolah, tadika, pusat kesihatan, ruang hijau dan keselamatan komuniti. Ini bukan lagi pilihan, tetapi satu keperluan asas yang mesti diberikan keutamaan. Malah, beliau turut menekankan betapa pentingnya semua pihak – termasuk kerajaan tempatan – memahami dan menghayati kerangka Ekonomi MADANI, iaitu kerangka pembangunan yang menekankan keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi dan keadilan sosial.

12. Sebagai warga kerja Majlis Bandaraya Seremban, saya menyambut penuh gesaan ini agar MBS akan memastikan setiap pelan pembangunan yang dikemukakan kepada kami bukan sekadar memenuhi aspek teknikal dan fizikal, tetapi turut memberi perhatian serius terhadap elemen kesejahteraan komuniti. Antara persoalan asas yang perlu dijawab oleh mana-mana pemaju ialah: Di manakah anak-anak akan bersekolah? Apakah terdapat tadika, klinik, ruang awam dan pengangkutan yang selamat dan mesra pengguna? Pembangunan tanpa prasarana sosial yang lengkap adalah pembangunan yang tempang.
13. Saya juga ingin menyeru kepada semua jabatan terlibat di bawah MBS — seperti Jabatan Perancang Pembangunan, Kejuruteraan, Taman & Landskap, Kesihatan Persekitaran, Penilaian dan semua pihak teknikal — supaya memberi perhatian serius terhadap kerangka MADANI ini dalam semakan dan cadangan pembangunan. Jangan hanya melihat pelan sebagai pelan teknikal, tetapi lihat ia sebagai peta masa depan untuk kehidupan rakyat. Kita memikul tanggungjawab bersama untuk memastikan Seremban dibangunkan dengan roh dan jiwa yang mementingkan rakyat, bukan sekadar struktur bangunan.
14. Seremban tidak boleh menjadi bandar yang membangun tanpa arah. ***Kita tidak hanya membina rumah — kita membina kehidupan. Kita tidak hanya meluluskan bangunan — kita melakar masa depan.*** Prinsip inilah yang akan terus menjadi asas kepada segala dasar dan keputusan di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban.

INOVASI PINTAR: ELAK PERANGKAP 'AI PRODUCTIVITY PARADOX'

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

15. Kita kini berada di era di mana pelaburan dalam kecerdasan buatan (AI), automasi dan digitalisasi menjadi keutamaan bagi banyak agensi. Namun begitu, kita perlu berwaspada dengan satu realiti yang sedang melanda banyak organisasi di seluruh dunia, iaitu apa yang dikenali sebagai **AI Productivity Paradox**. Paradox ini merujuk kepada situasi di mana pelaburan besar dalam teknologi tidak membawa kepada peningkatan produktiviti atau kualiti perkhidmatan yang dijanjikan.
16. Banyak sistem pintar diperkenalkan, tetapi jika tiada perubahan cara kerja, budaya organisasi atau integrasi antara jabatan, maka hasilnya kekal mendatar atau lebih buruk—menambah beban kerja. Justeru, teknologi bukan ubat kepada semua masalah, tetapi alat yang perlu digunakan secara bijaksana, disertai pelan pelaksanaan yang telus, latihan yang menyeluruh, serta penilaian impak yang konsisten.
17. Dalam konteks Majlis Bandaraya Seremban, saya ingin menyeru agar semua jabatan di bawah MBS agar lebih berhati-hati dan strategik dalam merancang serta melaksanakan sebarang inisiatif berasaskan teknologi yang merancang penggunaan AI atau sistem automasi tidak hanya teruja pada bentuk (interface dan fungsi), tetapi memberi fokus kepada hasil (output dan manfaat rakyat). Kita mesti pastikan setiap sen pelaburan teknologi membawa pulangan dalam bentuk perkhidmatan yang lebih pantas, mesra rakyat, dan cekap dari segi kos serta tenaga kerja.

18. Seremban mesti menjadi contoh bandar yang mengguna teknologi dengan bijak, bukan terperangkap dalam gelombang trend. Kita tidak mahu menjadi bandar yang dipenuhi teknologi mahal tetapi kosong dari nilai. Kita mahu jadi bandar yang pintar bukan kerana sistem canggih semata, tetapi kerana warganya mendapat manfaat secara langsung daripada setiap inovasi yang diperkenalkan.

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KEWANGAN

19. Sehingga 24 Ogos 2025, prestasi kutipan Cukai Taksiran Majlis Bandaraya Seremban adalah seperti berikut:-

- i. 85% bil semasa 2025 (RM142.41j)
Prestasi= RM121.53j (72.54%)
- ii. 30% Tunggakan (RM28j)
Prestasi=RM15.31j (16.40%)
- iii. 100% Bajet Cukai (RM161j)
Prestasi = RM129.20j (78.82%)
- iv. 100% Terimaan Hasil (RM246.5j)
Prestasi= RM194.3j (78.82%)
- v. Belanja Mengurus (RM247.61j)
Prestasi = RM139.92j (56.51%)

vi. Belanja Pembangunan (RM13.69j)

Prestasi = RM5.10j (37.26%)

20. Manakala ketimbang bagi tahun 2024 pula, sehingga 30 Julai 2024 ;

*****KETIMBANG TAHUN 2024 SEPERTI DI PAPARAN*****

I. 85% bil semasa 2024 (RM130.95j)

Prestasi= RM106.30j (69%)

II. 30% Tunggakan (RM26.02j)

Prestasi=RM12.65j (14.59%)

III. 100% Bajet Cukai (RM145.5j)

Prestasi = RM108.80j (74.77%)

IV. 100% Terimaan Hasil (RM223.56j)

Prestasi= RM164.10j (73.40%)

V. Belanja Mengurus (RM220.21j)

Prestasi = RM121.16j (55.02%)

VI. Belanja Pembangunan (RM14.40j)

Prestasi =RM6.33j (43.98%)

21. Untuk makluman ahli mesyuarat sekalian, sepanjang bulan Julai 2025 yang lalu Jabatan Kewangan MBS telah mengadakan lawatan **Kutipan Operasi Dari Pintu Ke Pintu** di beberapa buah taman perumahan ;

- I. Taman Desa Anggerik
- II. Taman Mutiara Galla
- III. Taman Desa Indah Putra Nilai
- IV. Taman Bukit Senawang Perdana
- V. Taman Sendayan Indah & Taman Lavender Heights

Hasil daripada kutipan operasi ini berjaya membuat kutipan sebanyak **RM34,020.80** daripada **71 bilangan akaun**.

22. Jabatan Kewangan juga telah mengadakan lawatan ke premis-premis perniagaan dan berjaya membuat kutipan sebanyak **RM59,803.20** daripada **7 bilangan akaun**.

23. Selain daripada itu, Jabatan Kewangan juga telah turun sama membuka kaunter bergerak bagi program-program yang diadakan seperti ;

- I. Program Jualan Nismilan Prihatin Dun Seremban Jaya di Pasar Awam Seremban Jaya.
- II. Kejohanan Gusti Lengan Terbuka Asean Majlis Bandaraya Seremban 2025 di AEON Mall Nilai.

24. Hasil daripada penyertaan ini berjaya membuat kutipan sebanyak **RM5,091.80** daripada **154 bilangan akaun**. Saya mengucapkan

tahniah kepada Jabatan Kewangan atas inisiatif yang berterusan ini dan berterima kasih kepada kesemua ahli-ahli majlis dan warga MBS yang sama-sama memberikan komitmen dalam menjayakan operasi kutipan ini.

SUMBER : JABATAN KEWANGAN

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

25. Sehingga 31 Julai 2025, MBS telah menjalankan aktiviti ;

- Kawalan *fogging* di **26,609** buah premis
- *ULV* di **58,852** buah premis
- *Larvaciding dan Source reduction* di **284** lokaliti
- Gotong royong di **78** buah taman

26. Selain itu, laporan bagi tanah perkuburan di bawah seliaan MBS mulai 1 Januari 2025 hingga 31 Julai 2025 mencatatkan;

a) Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2

53 pengebumian jenazah

b) Tanah Perkuburan Islam Ainsdale

9 pengebumian jenazah

c) Tanah Perkuburan Kristian Sendayan

7 pengebumian

d) Tanah Perkuburan Islam Nilai yang dibuka sejak 15 April 2022, sehingga kini masih tiada jenazah yang dikebumikan di tanah perkuburan ini sehingga 31 Julai 2025.

SUMBER : JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN UNDANG-UNDANG & PENGUATKUASAAN

27. Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan, MBS telah mengambil tindakan penguatkuasaan kompaun mulai 1 Januari hingga 19 Ogos 2025. Pengeluaran kompaun dan amaun adalah seperti berikut;

RINGKASAN PENGELUARAN KOMPAUN MENGIKUT AKTA BERDASARKAN TARIKH 01/01/2025 HINGGA 19/8/2025		
JUMLAH BILANGAN KOMPAUN	405,317.00	
NILAI AMAUN	RM 23,108,855.00	
BILANGAN KOMPAUN BERBAYAR	154,694	38.16%
NILAI AMAUN BERBAYAR	RM 2,797,915.00	12.10%

28. Sebanyak **22,140** Jumlah **Notis Peringatan Telah Dikeluarkan** dan **1,292** jumlah kertas siasatan (IP) telah dibuka sehingga 31 Julai 2025. Laporan jumlah notis peringatan dan jumlah kertas siasatan (IP) yang dibuka adalah seperti di paparan:

-JADUAL DIPAPARKAN DI SLAID-

BIL	JENIS KOMPAUN	JUMLAH NOTIS PERINGATAN (BAHAGIAN PERUNDANGAN) (01/01/2025 – 31/07/2025)	JUMLAH KERTAS SIASATAN (IP) DIBUKA (BAHAGIAN PERUNDANGAN) (01/01/2025 – 31/07/2025)
	UUK = Undang-undang Kecil		
1	UUK IKLAN	65	3
2	UUK ENAKMEN HIBURAN	58	76

3	UUK RUMAH URUT	78	70
4	UUK RUMAH TUMPANGAN	53	7
5	UUK TRED PERNIAGAAN	58	76
6	UUK PENJAJA	48	23
7	LETAK KERETA	21,780	1,037
JUMLAH		22,140	1,292

29. Selain itu, berikut merupakan ringkasan pengeluaran dan pembayaran kompaun mengikut Akta/ Enakmen/ Perintah/ UUK berdasarkan tarikh kesalahan dari 1 Januari 2025 hingga 19 Ogos 2025 ;

- I. Bilangan Kompaun ; 405,317
- II. Amaun Kompaun Terkini : RM23,108,855.00
- III. Bilangan Kompaun Berbayar : 154,694
- IV. Amaun Kompaun Berbayar : RM2,797,915.00

-JADUAL RINGKASAN DIPAPARKAN DI SLAID-

SUMBER : JABATAN UNDANG-UNDANG & PENGUATKUASAAN

PELAPORAN JABATAN PELESENAN & PEMBANGUNAN USAHAWAN

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

30. Pada 11 Ogos 2025, Jabatan Pelesenan & Pembangunan Usahawan telah mengadakan lawatan bersama YBhg. Datuk Latteffah binti

Aliyaru Kunju, Ahli Majlis telah diadakan di Pasar Malam Taman Ampangan bagi memantau cadangan permohonan untuk mewujudkan Tapak Penjaja Setempat.

31. Oleh itu, saya mohon Jabatan Pelesenan & Pembangunan Usahawan dapat mengenalpasti lagi lokasi-lokasi yang berpotensi dan bersesuaian untuk dijadikan pusat penjaja supaya peniaga dapat menjalankan aktiviti perniagaan secara sah dan berlesen bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan diambil kerana telah melanggar undang-undang yang ditetapkan.

SUMBER : JABATAN PELESENAN & PEMBANGUNAN USAHAWAN

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

32. Saya dimaklumkan bahawa Pelan Strategik Pendigitalan Majlis Bandaraya Seremban (PSP MBS) 2021–2025 akan berakhir pada Disember 2025 dan peneraju utama dari Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi telah mengambil langkah bagi merangka PSP MBS 2026–2030, selaras dengan Pelan Strategik MBS 2026-2030. Saya juga difahamkan pembangunan pelan ini telah bermula secara rasmi pada 29 Mei 2025 dan dijadualkan siap pada 28 Mei 2026.
33. Sebagai permulaan, peneraju telah mengadakan Bengkel Analisis Persekitaran Semasa Bisnes dan ICT telah diadakan pada 30 Julai hingga 1 Ogos 2025 yang lalu bertujuan untuk menilai semula hala tuju Majlis, mengenal pasti isu strategik, keperluan ICT serta membentuk visi dan misi pendigitalan yang baharu.

34. Saya merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada semua yang terlibat atas komitmen dan sumbangan sepanjang bengkel ini diadakan. Semoga usaha ini menjadi landasan kukuh ke arah pendigitalan menyeluruh pentadbiran MBS, sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI dan hala tuju transformasi perkhidmatan kerajaan tempatan.
35. Untuk makluman ahli mesyuarat sekalian, perkhidmatan permohonan fasiliti tempahan dalam talian melalui portal MBSClick (<https://click.mbs.gov.my>) telah *go live* dan mula dibuka kepada orang awam pada 21 Julai 2025. Sebanyak 166 fasiliti yang merangkumi 44 lokasi boleh ditempah secara dalam talian. Antaranya adalah seperti dewan, bilik mesyuarat, gelanggang badminton, padang, taman awam, tapak campervan, fasiliti sukan di Stadium Tuanku Abdul Rahman, Stadium Hoki Tan Sri Dato' Dr. Haji Mohd Said, Kompleks Sukan Negeri dan Pusat Akuatik.
36. Perkhidmatan dalam talian yang disediakan adalah seperti **Permohonan Tempahan Fasiliti, Semakan Kadar Sewaan, Jadual Tempahan dan Status Permohonan dan Pembayaran Bil Tempahan Fasiliti dan Bil Cagaran secara FPX Debit (Tunai).**

SUMBER : JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

PELAPORAN JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

37. Sebagai pihak berkuasa tempatan, MBS sentiasa komited untuk turun padang dan mendekati rakyat. Pada 2 Ogos yang lalu, MBS melalui Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dengan kerjasama erat Pusat Khidmat ADUN Lobak yang diketuai oleh YB Tuan Chew Seh Yong, telah menganjurkan **Karnival Komuniti PPRT Lobak** sebagai platform interaksi terus antara warga PPRT dan pelbagai agensi kerajaan. Program ini bukan sekadar acara, tetapi cerminan keprihatinan kita terhadap keperluan asas masyarakat setempat.
38. Saya difahamkan pelbagai perkhidmatan disediakan secara percuma, seperti pemeriksaan kesihatan dan pergigian, semakan bantuan kebajikan, urusan zakat, panduan perundangan serta bayaran sewaan PPRT secara terus dan inisiatif **Jualan Rahmah Madani**. Kesemua perkhidmatan ini melibatkan kerjasama rapat antara jabatan-jabatan MBS dan agensi luar, mencerminkan pendekatan menyeluruh yang inklusif.
39. Kita tidak mahu menjadi sebuah pentadbiran yang hanya dilihat dari jauh. Sebaliknya, kita mahu **MBS dilihat sebagai rakan komuniti** – sentiasa hadir, mendengar dan menyantuni. Terima kasih diucapkan kepada urus setia dan semua pihak yang terlibat dalam bertindak sebagai pemudah cara kesejahteraan komuniti. Saya harap, program seperti ini akan terus diperluas ke kawasan lain sebagai sebahagian

daripada agenda keterangkuman sosial dan pengukuhan perkhidmatan berteraskan rakyat.

SUMBER : JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA

PELAPORAN JABATAN PERANCANGAN & PEMBANGUNAN

40. Untuk makluman ahli mesyuarat sekalian Bandar Seremban telah terpilih sebagai satu lokasi pelaksanaan amalan terbaik, projek rintis serta inovasi bandar pintar dan mampan untuk dilawati sempena ASEAN SUSTAINABLE URBANISATION FORUM (ASUF) 2025 pada 11 Ogos yang lalu di Wisma MBS dan delegasi melawat beberapa tempat seperti di ;

- I. Matrix Concepts Holding Bhd – Perbandaran Mampan
- II. Ajinomoto Malaysia Berhad – Perindustrian Mampan
- III. Masjid Seri Sendayan

41. Saya juga telah berkesempatan menyampaikan ucapan selamat datang dan bersama-sama dengan delegasi yang diketuai oleh Puan Ramona binti Razali, Pengarah Bahagian Pembangunan Landskap, Jabatan Landskap Negara mewakili Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan serta 30 orang peserta yang hadir dari pelbagai negara ASEAN.

42. MBS mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Penganjur Urbanice dan Delegasi ASUF di atas kesudian mengadakan lawatan teknikal ke sekitar Seremban. Kunjungan ini merupakan satu penghormatan besar kepada pihak MBS dan membuka ruang kerjasama lebih erat dalam usaha memacu pembangunan bandar yang mampan dan inklusif.

SUMBER : JABATAN PERANCANGAN & PEMBANGUNAN

PELAPORAN JABATAN KAWALAN BANGUNAN

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

43. MBS melalui Jabatan Kawalan Bangunan telah menganjurkan Program GoGreen MBS 2025: Kenali Senibina Hijau. Program ini terbahagi kepada 3 sesi utama. Sesi pertama iaitu lawatan ke The Exchange TRX, K.Lumpur telah diadakan pada 7 Ogos 2025. Program ini adalah diantara kerjasama pihak MBS bersama TRX City, Green Building Index (GBI) dan SMK Dato' Mohd Said, Nilai.
44. Dengan mengekalkan konsep pembelajaran diluar kelas (outdoor learning) dimana pihak MBS membawa pelajar mengenali senibina hijau dengan lebih dekat dengan menjadikan pembangunan ikonik The Exchange TRX, K.Lumpur sebagai rujukan diantara bangunan hijau terbaik yang terdapat di Malaysia. Lawatan disertai oleh 25 orang pelajar Tingkatan 4 dan 2 orang guru pengiring dari SMK Dato' Mohd Said, Nilai, bersama beberapa orang wakil jabatan teknikal MBS.

45. The Exchange TRX dipilih kerana menjadi contoh pembangunan hijau terbaik di Malaysia, juga mendapat taraf Platinum yang diiktiraf di bawah GBI. TRX bukan sekadar sebuah mercu tanda seni bina moden dan senibina hijau, malah menunjukkan kecemerlangan dalam kelestarian melalui fasad berprestasi tinggi, sistem pencahayaan cekap tenaga, pengurusan air yang canggih dan penggunaan bahan mesra alam serta pengurangan sisa.
46. Sepanjang program, pelajar terlibat dalam pelbagai aktiviti berkonsepkan kelestarian alam sekitar menggunakan bahan kitar semula, yang menggalakkan kreativiti serta meningkatkan kesedaran terhadap kelestarian alam.
47. Pihak MBS merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak TRX City, GBI dan SMK Dato' Mohd Said diatas kerjasama dan komitmen yang diberikan dalam menjayakan program ini. Diharapkan segala input yang diterima dapat menyemai semangat generasi muda untuk menjadi pemimpin hijau masa depan demi membina Malaysia yang lebih mampan.

SUMBER : JABATAN KAWALAN BANGUNAN

KOIR & KIK MBS

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

48. Pada hari pertama saya *clock in* di MBS, selain mendengar taklimat bersama Ahli-Ahli Majlis, Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai MBS, saya juga berkesempatan hadir melihat persembahan daripada Kumpulan Koir MBS yang turut dihadiri oleh Encik Hamdan, Ahli Majlis MBS, Tuan Setiausaha bersama Encik Shamaruddin.
49. Saya berasa bangga apabila melihat kerancakkan kakitangan MBS aktif menyertai pelbagai platform di luar skop tugas harian, termasuk pertandingan profesional, inovasi dan kesenian. Ini membuktikan bahawa warga kerja MBS bukan sahaja komited dalam perkhidmatan, malah turut menyerlah dalam bidang pembangunan bakat, kreativiti dan daya saing. Semangat seperti ini selaras dengan usaha kita membina budaya kerja cemerlang dan holistik — bukan sekadar memenuhi KPI jabatan, tetapi membentuk identiti organisasi yang progresif dan dinamik.
50. Sehubungan itu, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada **Kumpulan Koir MBS** atas pencapaian buat pertama kalinya melayakkan diri ke **peringkat akhir Pertandingan Koir Piala YAB Menteri Besar Negeri Sembilan** yang dimaklumkan akan bertanding pada Disember nanti. Perkara ini bukan sahaja satu pencapaian membanggakan dalam bidang kesenian, malah mencerminkan

kesatuan, semangat berpasukan dan disiplin tinggi warga MBS dalam satu kumpulan 30 orang yang datang dari pelbagai Jabatan & Unit.

51. Selain itu, saya juga berkesempatan menghadiri dan menyaksikan **Konvensyen KIK Peringkat Negeri Sembilan**. Difahamkan ada 3 Kumpulan daripada MBS menyertai **Konvesyen KIK** ini dan 2 Kumpulan menyertai **Anugerah Inovasi Negeri Sembilan**. Tahniah kepada semua kumpulan KIK (Kumpulan Inovatif dan Kreatif) MBS yang telah mengambil bahagian. Penglibatan ini menunjukkan budaya inovasi subur dalam kalangan jabatan dan unit di MBS. Sama ada menang atau tidak, keberanian untuk mencabar dan memperkenalkan penambahbaikan adalah satu kemenangan besar dalam budaya kerja perkhidmatan awam.
52. Kejayaan dan penyertaan ini adalah bukti bahawa warga MBS mampu bersinar bukan sahaja di peringkat tempatan, malah berpotensi di peringkat lebih tinggi. Teruskan usaha, kekalkan semangat dan jadilah pencetus inspirasi kepada seluruh organisasi. Tahniah dan syabas sekali lagi!

SIJIL PENGHARGAAN REFORMASI KERENAH BIROKRASI

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

53. Untuk makluman ahli meyyuarat sekalian, pada 23 Ogos 2025 yang lalu, MBS telah menerima Sijil Penghargaan Reformasi Kerenah Birokrasi bagi projek **MBSFLY (*Fast Lane For You*)** yang telah disampaikan oleh Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara sewaktu Program MADANI Rakyat 2025 Negeri Sembilan, Dataran Nilai.
54. Projek MBS Fly ini merupakan inisiatif mempercepatkan kelulusan permit pembinaan dan lesen operasi kepada pelabur daripada **12 bulan kepada 3 bulan**. Inisiatif ini juga dilihat mampu merangsang pertumbuhan sektor pembangunan dan pelaburan tempatan dengan lebih agresif, selaras dengan matlamat MBS untuk menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif dan responsif.
55. Syabas dan Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat atas kejayaan penganugerahan RKB kali ini. Saya mohon usaha ini akan terus diperluaskan dan akan lebih banyak inisiatif baru bagi birokrasi di jabatan MBS dilaksanakan.

SUMBER : UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

PENUTUP

SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN

YB / YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

56. Sempena sambutan Hari Kebangsaan yang bakal kita raikan tidak lama lagi, pada 31 Ogos ahad ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kebangsaan ke-68. Marilah kita sama-sama menghargai erti kemerdekaan yang sebenar – bukan hanya sekadar laungan, tetapi diterjemahkan melalui semangat perpaduan, tanggungjawab, dan rasa cinta yang mendalam kepada negara.
57. Dengan tema pada tahun ini, “**MALAYSIA MADANI : RAKYAT DISANTUNI**” – satu tema yang amat bertepatan dengan aspirasi kita sebagai sebuah negara yang menjadikan rakyat sebagai keutamaan dalam pembangunan dan pentadbiran.
58. Dalam semangat tema ini, marilah kita – khususnya sebagai warga pentadbiran tempatan – memperkukuh komitmen untuk terus menyantuni rakyat dengan perkhidmatan yang cekap, mesra dan berintegriti. Kita mahu rakyat Seremban merasai nikmat kemerdekaan bukan sekadar dalam bentuk fizikal, tetapi dalam kualiti hidup seharian mereka.

59. Saya juga menyeru semua warga kerja Majlis dan seluruh masyarakat Seremban agar:
- I. Mengibarkan Jalur Gemilang dengan bangga di premis masing-masing,
 - II. Menyertai program-program sambutan kemerdekaan, dan
 - III. Menyemarakkan nilai-nilai Malaysia MADANI dalam setiap tindakan.
60. Ayuh kita jadikan Seremban sebagai bandar contoh yang bersatu padu, aman dan progresif – selari dengan roh kemerdekaan dan nilai MADANI yang kita junjung bersama.

Akhir kata, **Selamat Menyambut Hari Kebangsaan Ke-68** kepada semua. Semoga tanah air kita terus diberkati dan dirahmati.

MALAYSIA MADANI : RAKYAT DISANTUNI

Sekian, *Wabillah Wal Taufiq Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

DATO' Ir. Ts. HAJI MASRI BIN BAHARUDDIN
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
27 OGOS 2025